

22/03/2000

UIA terbit nota MTEN

KUALA LUMPUR: Kerajaan melantik Universiti Islam Antarabangsa (UIA) untuk menyalin, mengklasifikasi dan menerbitkan buku nota perbincangan mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yang diadakan setiap hari.

Presiden UIA, Tan Sri Sanusi Junid, berkata menerusi pelantikan itu, orang ramai terutama pelawat luar negara akan dapat gambaran sebenar bagaimana Malaysia mempertahankan mata wangnya semasa kegawatan ekonomi dan mengelakkan diri dari cengkaman Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF).

Katanya, hasil salinan itu, yang dikeluarkan oleh Kuliyyah Ekonomi universiti berkenaan, adalah berdasarkan perbincangan pada mesyuarat MTEN yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)